

Kehadiran penuh pekerja di pejabat stabil pasaran buruh



Saadiah Ismail - Mac 31, 2021 @ 5:04pm
saadiah_ismail@bh.com.my



Foto hiasan NSTP

KUALA LUMPUR: Pembatalan syarat pematuhan 30 peratus kehadiran pekerja di pejabat dilihat berupaya menstabilkan pasaran buruh dengan majikan mewujudkan lebih banyak kerja baharu.

Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Samsuddin Bardan, berkata langkah itu secara tidak langsung akan memastikan ekonomi negara kembali rancak.

Beliau berkata, ketika ini kadar pengangguran negara mencecah 4.9 peratus dan peluang itu pasti akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh majikan.

"Walau bagaimanapun, majikan perlu mengambil langkah ketat bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) berikutan bimbang jika berlaku jangkitan baharu berkaitan kluster di tempat kerja.

"Justeru majikan digalakkan untuk berdaftar di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk program 'Safe At Work' supaya pekerja yang mungkin dijangkiti dapat bekerja di bawah gelembung kerja yang selamat.

"Secara tidak langsung dapat mengelakkan syarikat itu daripada ditutup," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Semalam, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersetuju membatalkan syarat pematuhan 30 peratus kehadiran pekerja di pejabat bagi kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), mulai esok.

Untuk sektor swasta, operasi dibenarkan 100 peratus bagi bahagian pengurusan atau penyelia dan bahagian operasi atau sokongan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata pembatalan itu semestinya sudah dikaji sepenuhnya oleh kerajaan termasuklah trend penurunan kes jangkitan COVID-19 ketika ini.

Katanya, walaupun ada pihak mengatakan terlalu awal pembukaannya, namun di sektor swasta mereka sudah lama bekerja di lapangan dan ia tidak memberi sebarang masalah untuk mematuhi SOP.

"Apa yang penting apabila 100 peratus dibenarkan, pemantauan pihak berkuasa harus berterusan dan mungkin program vaksinasi negara boleh dipertimbangkan untuk diberi kepada sektor pekerjaan utama.

"Mungkin fasa kedua ini, kerajaan boleh mempertimbangkannya kerana kami juga antara sektor penting untuk kerajaan dan ekonomi negara," katanya.

Walau bagaimanapun, beliau berkata kebimbangan turut ada terhadap jangkitan baharu terutama membabitkan pekerja asing.

Pakar virologi Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Yahya Mat Arip, berkata secara umumnya kadar pematuhan SOP sangat tinggi dalam kalangan pekerja tempatan.

Namun, apa yang membimbangkan ialah penularan dalam kalangan pekerja asing yang tidak dipastikan aktiviti mereka selepas tamat waktu bekerja.

"Ada antara pekerja asing ini yang tinggal menyewa di luar dan majikan sendiri tidak dapat memastikan apa yang mereka lakukan di luar sana.

"Mungkin mereka bergaul dengan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang tidak diketahui status kesihatannya, dan apabila mereka bekerja, mungkin akan menyebarkan virus itu kepada pekerja lain," katanya.

Justeru beliau berpendapat, majikan perlu mengambil inisiatif memantau pekerja asing di bawah seliaan mereka dan melakukan saringan lebih kerap.

"Selain itu, vaksin kepada pekerja asing ini mungkin boleh diperluaskan lagi dengan harapan ia dapat mengelakkan berlaku jangkitan di tempat kerja.

"Sebagaimana diketahui, kebanyakan jumlah jangkitan harian membabitkan pekerja asing dan saya berharap pembukaan penuh sektor ini tidak disia-siakan oleh majikan," katanya.